



# KUPASAN MUTU JAWAPAN

**PERDAGANGAN**

**3755/2**

**SPM**

**2 0 1 3**



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas Perdagangan 2 (3755) mengandungi enam soalan esei dan terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

**Bahagian A**

Mengandungi lima soalan iaitu soalan 1 hingga 5. Calon dikehendaki menjawab tiga daripada lima soalan yang diberi.

**Bahagian B**

Soalan 6 iaitu soalan kajian kes wajib dijawab oleh calon.

Calon diberi masa 2 jam untuk menjawab keempat-empat soalan tersebut.

**PRESTASI KESELURUHAN**

Prestasi calon adalah pada tahap sederhana dan lemah. Tidak ramai calon dapat menjawab keseluruhan item soalan dengan lengkap. Walau bagaimanapun terdapat calon berupaya menjawab dengan baik soalan tertentu khususnya soalan yang berpandukan bahan grafik yang mudah. Mutu jawapan calon pada tahun ini kurang memuaskan. Sebahagian jawapan yang dikemukakan oleh calon tidak dikaitkan dengan bahan grafik, jadual, situasi dan dialog yang berkaitan. Kebanyakan calon tidak menggunakan fakta, hujah dan contoh yang sesuai dengan amalan perdagangan bagi menyelesaikan sesuatu isu dan masalah dalam situasi yang dikemukakan.

Secara umumnya, kebanyakan calon cuba menjawab soalan yang berpandukan maklumat berangka. Namun begitu, calon belum berupaya memberi alasan, hujah dan pandangan yang bersesuaian dengan kemahiran perdagangan bagi merumuskan dan menjelaskan sesuatu maklumat berangka dan berjadual. Sebahagian calon juga tidak menguasai kemahiran mentafsir kes bagi memahami situasi yang dikemukakan. Justeru itu, sebahagian calon tidak mengemukakan alasan dan fakta yang relevan dengan situasi kes.

Keseluruhannya, prestasi jawapan calon belum mencapai tahap yang sepatutnya. Idea, hujah, dan alasan calon kurang mantap, longgar, dan bersifat umum. Fakta dan keterangan yang diberi juga tidak relevan dengan situasi yang dikemukakan. Sebahagian jawapan yang dikemukakan oleh calon tidak menggambarkan kemahiran untuk mentafsir maklumat berangka serta teks situasi. Seterusnya calon tidak dapat membuat keputusan yang tepat atau mengemukakan pendapat yang bersesuaian dengan kehendak soalan.

## **PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**

### **Kumpulan Tinggi**

Calon dapat mengemukakan jawapan yang jelas, tersusun, serta laras bahasa yang mudah difahami. Hujah, alasan dan huraian dikemukakan berdasarkan fakta dan keterangan yang bersesuaian dengan situasi, maklumat atau dialog yang diberi. Konsep, huraian dan istilah yang digunakan dalam setiap jawapan adalah menepati dengan arahan pada setiap soalan. Sebahagian besar calon berupaya mentafsir dengan baik maklumat yang terdapat di dalam soalan, khususnya maklumat secara grafik, teks, jadual, dialog ataupun angka. Majoriti calon mampu menjawab soalan yang bersifat menguji kemahiran mengaplikasi dan membuat keputusan.

### **Kumpulan Sederhana**

Secara amnya calon berupaya mengemukakan fakta, konsep atau keputusan dengan tepat tetapi huraian atau alasan yang diberi tidak berkaitan dengan fakta. Calon mengemukakan jawapan secara ringkas, kurang teratur dan kurang jelas. Bagi jawapan yang berpandukan teks atau grafik, fokus jawapan calon tidak dikaitkan secara langsung dengan arahan soalan dan situasi yang diberi. Oleh itu sebahagian calon berupaya menjawab dengan baik soalan pada tahap kemahiran pengetahuan dan kefahaman.

### **Kumpulan Rendah**


Pada keseluruhannya calon belum menguasai kemahiran yang sewajarnya. Calon hanya mampu mengemukakan fakta secara ringkas tanpa huraian atau contoh yang sesuai dengan stimulus yang diberi. Jawapan yang ditulis tidak tersusun dan huraianya berulang-ulang. Pada amnya calon berupaya menjawab soalan pada tahap pengetahuan atau soalan bersifat mengingat.

## PRESTASI TERPERINCI

### SOALAN 1

Soalan 1(a)

- 1 (a) Gambar 1 menunjukkan kehendak dua individu.



Gambar 1

Mengapakah kehendak mereka berbeza?

Soalan 1 (a) menguji kemahiran calon untuk mengenal pasti pelbagai sebab kehendak yang berbeza antara dua individu iaitu seorang pengurus dan seorang pelajar.

	Damia (Pengurus)	Asrol (Pelajar)
kehendak	Damia barang yang diinginkan oleh Damia ialah beg pejabat	barang yang diinginkan oleh Damia ialah beg sekolah
keupayaan	Damia mempunyai keupayaan untuk membeli beg berharga RM1500	Asrol hanya mempunyai keupayaan untuk membeli beg berharga RM150
cita rasa	Damia suka beg pejabat berharga RM1500	Asrol suka beg sekolah berharga RM150

Jawapan calon menunjukkan mutu jawapan yang cemerlang. Calon dapat menjelaskan pelbagai faktor yang menyebabkan kehendak yang berbeza antara dua individu berdasarkan stimulus yang diberikan.

kehendak Damia (Pengurus)	Kehendak Asrol (Pelajar)
orang yang kaya	orang yang sederhana kaya
membeli beg yang mewah	membeli beg yang mutah
membeli beg untuk kerjiaan	membeli beg untuk pelajaran
hadla batasan	menpunyai batasan
sukar dipenuhi	Senang dipenuhi
perlu untuk hidup lebih selesa	perlu untuk terus hidup

Segelintir calon menjelaskan hanya sebahagian daripada faktor yang menyebabkan wujudnya perbezaan kehendak antara dua individu. Penjelasan yang diberikan sering kali berulang-ulang walaupun frasa dan ayat yang digunakan berlainan.

Keperluan	Kehendak
Untuk terusikan hidup	Hidup untuk lebih selesa, mewah
Terhad	Tidak terhad
Sama	Tiada keutamaan.

Fakta-fakta yang dikemukakan tidak relevan dengan situasi dalam soalan. Calon menjelaskan perbezaan antara keperluan dan kehendak dan bukannya menjelaskan sebab kehendak antara dua individu berbeza.

(b) Terangkan tiga jenis nilai faedah dalam pengeluaran.

Soalan 1 (b) memerlukan calon menerangkan secara am tentang nilai faedah dalam pengeluaran. Calon sepatutnya dapat mengenalpasti jenis nilai faedah serta memberikan contoh yang sesuai untuk menggambarkan nilai faedah tersebut.

b)	nilai faedah milikan
	- bertukar hak milikan. Contohnya barang yang dikeluarkan adalah hak milik pengeluar, tetapi pelanggan membeli barang yang dikeluarkan oleh pengeluar. Jadi hak milik barang tersebut akan bertukar dan menjadi hak milik pelanggan.
	nilai faedah bentuk
	- memproseskan bahan mentah menjadi sesuatu barang. Contohnya getah diproseskan menjadi kasut atau toyar.
	nilai faedah tempat
	- mengeluarkan barang tersebut yang disimpan di dalam gudang ke tempat lain.
	- Contohnya, mengeluarkan kasut yang disimpan di dalam gudang dan memasarkan kasut tersebut di pasar raya besar.

Calon dapat mengenal pasti semua nilai faedah yang diminta dan memberikan penjelasan dan contoh yang tepat untuk setiap jenis nilai faedah.

Tiga jenis nilai faedah dalam pengeluaran.
- Nilai faedah tempat
- Mempunyai tempat yang strategik untuk pengeluaran
- Nilai faedah milikan
- Hak milik pendaftar.
- Nilai faedah masa.
- Masa untuk pengeluaran yang baik.
- Nilai faedah bentuk Jenis pengeluaran yang hendak dikeluarkan

Calon ini hanya dapat mengenal pasti jenis nilai faedah. Penjelasan atau contoh yang diberikan adalah tidak relevan.

(B)	* dapat memasarkan sesuatu barang.
	* meluaskan <del>perdagangan</del> barangan di pasaran.
	* mendapat keuntungan
	* dapat keuntungan dari hasil jualan.
	* mengeluarkan sesuatu barang mengikut keperluan dan kehendak pengguna.
	* memasarkan barangan mengikut kehendak dan keperluan pengguna.

Terdapat juga jawapan calon yang tersasar jauh dari kehendak soalan. Calon keliru dengan topik lain dalam tajuk pengeluaran seperti definisi pengeluaran, jenis pengeluaran dan cabang pengeluaran.

- (c) Penyata aliran tunai di bawah berkaitan dengan D'Peez Industries, di Bukit Merah yang dimiliki oleh Encik Hilal.

**D'Peez Industries**  
**Penyata Aliran Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2014**

Butir	Januari	Februari	Mac
	RM	RM	RM
Baki awal	30 000	32 500	31 300
<b>PENERIMAAN</b>			
Hasil jualan Arowana:			
<i>Super red</i>	15 000	19 000	22 000
<i>Yellow tail</i>	4 000	9 000	13 000
<i>Golden</i>	-	-	8 000
<i>Goldy red</i> (Baka baharu)	-	-	12 000
Jumlah penerimaan	19 000	28 000	55 000
<b>PEMBAYARAN</b>			
Anak ikan	6 500	10 000	11 000
Makanan ikan	2 000	5 000	6 000
Gaji dan upah pekerja	1 500	2 500	2 500
Tangki kaca fiber	-	1 000	2 000
Selenggaraan tangki	1 300	3 000	3 000
Veterinar	2 000	2 000	2 500
Sumbangan / derma	500	700	1 000
Pelbagai	2 700	5 000	8 500
Jumlah pembayaran	16 500	29 200	36 500
Lebihan / (kurangan)	2 500	(1 200)	18 500
Baki akhir	32 500	31 300	49 800

- (i) Jelaskan jenis industri yang dilakukan oleh D'Peez Industries.
- (ii) Terangkan **dua** jenis pengkhususan yang terlibat di 1(c)(i).
- (iii) Adakah Encik Hilal seorang usahawan?  
Beri **lima** alasan.

Soalan 1(c) mempunyai stimulus yang agak panjang dalam bentuk satu penyata aliran tunai yang perlu diteliti oleh calon. Calon perlu mengenal pasti jenis industri yang dijalankan serta menerangkan pengkhususan yang terlibat dalam industri tersebut. Calon juga perlu mengenal pasti pelbagai sifat atau ciri usahawan.

<p>i) Industri yang dilakukan oleh D'Peet Industries adalah industri sektor ekstraktif. D'Peet Industries berperanan untuk mengeluarkan bahan mentah dan melibatkan aktiviti penghasilan sebagai barang separuh siap atau barang siap. Contohnya - penternakan, perikanan, pertombongan atau pemburuan.</p>
<p>ii) Pengkhususan yang terlibat adalah pengkhususan mengikut profesion. Pengkhususan mengikut profesion merupakan keperluan pekerja yang pakar dalam aktiviti tersebut. Industri ini memerlukan ahli kepakaran untuk memproses aktiviti tersebut. Pengkhususan yang seterusnya ialah pengkhususan mengikut kawasan. Industri ini hendaklah dibina di tempat yang sesuai supaya memudahkan proses penghasilan di kilang.</p>
<p>iii) Encik Hilal adalah seorang usahawan. Hal ini demikian kerana Encik Hilal sanggup menanggung risiko untuk memulakan modalnya. Selain itu, Encik Hilal merupakan seorang yang kreatif, inisiatif dan inovatif dalam kilangnya. Encik Hilal juga berani mencipta barangan yang baru untuk menjaga sumber pendapatannya. Akhirnya, Encik Hilal yang memulakan modal tersebut juga dapat membantu masyarakat untuk mewujudkan peluang pekerjaan.</p>

Jawapan di atas mempamerkan jawapan terbaik. Calon dapat mengenal pasti jenis industri dengan tepat dan memberikan beberapa cirinya berdasarkan stimulus. Mereka juga dapat memberikan jenis pengkhususan yang terlibat serta berjaya mengenal pasti Encik Hilal sebagai usahawan dengan memberikan alasan yang tepat berdasarkan stimulus.

ci	Jenis industri yg. dilakukan oleh D' Peez Industries adalah Industri Ekstraktif seperti membela ikan :
ii	Jenis pengkhususan yang terlibat adalah pengkhususan mengikut kawasan. Selain itu pengkhususan profesional. Seterusnya pengkhususan mengikut proses.
iii	Ya, En Hilal seorang usahawan kerana dia berani menanggung risiko. Selain itu kreatif dan inovatif. Contohnya membela ikan dan ikan diberi makan secukupnya. Juga membeli anak ikan untuk tambahkan hasil.

Jawapan yang sederhana hanya dapat mengenal pasti jenis industri yang dijalankan, manakala huraian yang diberikan tidak relevan. Jenis pengkhususan juga dapat dikenal pasti tetapi tidak dapat memberikan eviden dari dalam stimulus. Untuk ceraiian (iii) calon mengenal pasti Encik Hilal sebagai seorang usahawan tetapi tidak berupaya memberi alasan untuk menyokong hujah mereka.

ii) 2 jenis pengkhususan yang terlibat ialah
▷ Khusus perternakan
- Mengajar cara untuk memternak ikan dan memelihara.
▷ Khusus muga.
- Teknik membuka dan menjalankan bisnes memternak ikan.
iii) Encik Hilal membuka perniagaan D'Peez Industries
- Encik Hilal menjual pelbagai jenis ikan
- Encik Hilal mempunyai perniagaan di Bukit Merah
- Encik Hilal mempunyai pekerja bawahan
- Encik Hilal memperolek kewangan dari hasil jualan

Terdapat juga jawapan yang tidak menepati kehendak soalan. Calon tidak dapat memberikan ciri industri dalam stimulus sebaliknya menyenaraikan ciri Industri Kecil Sederhana secara am. Terdapat juga calon keliru dengan perkataan pengkhususan dan kursus yang menyebabkan mereka memberikan jenis latihan sebagai jawapan bukan jenis pengkhususan seperti kehendak soalan. Calon juga tidak mengenal pasti sama ada Encik Hilal adalah usahawan atau tidak dengan hanya memberikan jawapan yang umum seperti dalam contoh di atas.

## SOALAN 2

Soalan 2(a)

2 (a) Maklumat di bawah menunjukkan kesilapan catatan dalam dokumen perniagaan.

NOTA SERAHAN		
MaxProfit Sdn. Bhd. 181, Jalan Murai 8 50000 Kuala Lumpur		
Kepada: Kedai Maju Selalu A2, Kedai MARA 40400 Klang		
		17/8/2013
No. Ruj.	Butiran	Kuantiti (unit)
BCK01	Beras Cap Kapal	25
BCL03	Beras Cap Layar	30
Diakui barang-barang tersebut diterima dalam keadaan baik.		
		Penerima
Yang benar,	<i>Moon</i>	.....
<i>Mat Jusuh</i>	Tarikh	18/8/2013

Dokumen X

INVOIS				
MaxProfit Sdn. Bhd. 181, Jalan Murai 8 50000 Kuala Lumpur				
Kepada: Kedai Maju Selalu A2, Kedai MARA 40400 Klang			No. Invois: I812/55 Tarikh: 21/8/2013	
No. Ruj.	Butiran	Kuantiti (unit)	Harga (RM)	Jumlah (RM)
BCK01	Beras Cap Kapal	30	25.00	750.00
BCL03	Beras Cap Layar	30	30.00	900.00
JUMLAH				1 650.00
Ringgit Malaysia: Seribu enam ratus dan lima puluh sahaja.				
Syarat: Angkutan dibayar				
5%, 7 hari				
2%, 10 hari				
			<i>Mat Jusuh</i> Pengurus Jualan	

Dokumen Y

- (i) Apakah kesilapan yang dilakukan oleh MaxProfit Sdn. Bhd.?
- (ii) Nyatakan dokumen yang perlu dikeluarkan oleh MaxProfit Sdn. Bhd. untuk membetulkan kesilapan di 2(a)(i).
- (iii) Hitung jumlah yang perlu dibayar oleh Kedai Maju Selalu jika pembayaran dibuat pada 27 Ogos 2013 dan selepas dokumen di 2(a)(ii) dikeluarkan.
- (iv) Jelaskan tiga sebab Dokumen X dikeluarkan.

Soalan 2(a) mengkehendaki calon memberi respon tentang dokumen dan kesilapan serta sebab satu-satu dokumen digunakan. Calon perlu menunjukkan jalan kerja berkaitan jumlah pembayaran di mana calon perlu tahu kadar diskaun yang hendak dipilih bagi menentukan jumlah sebenar yang perlu dibayar.

i) Kuantiti Beras Cap Kapal.

ii) Nota Kredit

$$(iii) 30 \times 25 \times RM25 = RM625.00$$

$$\frac{5 \times RM625.00}{100} = RM78.25$$

$$RM625.00 - RM78.25 + RM900.00 = RM1525.00$$

(iv) Tiga sebab Dokumen X dikeluarkan

- memastikan tempahan barang dibuat diterima dalam keadaan yang baik
- memastikan kuantiti barang yang dibuat adalah betul.
- Sebagai bukti barang tersebut sudah diterima.

Jawapan calon tersebut sangat baik kerana calon dapat mengenal pasti kesilapan dan dokumen yang terlibat. Calon dapat menunjukkan dengan jelas jalan pengiraan untuk menghitung jumlah pembayaran.

2-a)-i) Kesilapan yang dilakukan oleh MaxProfit sdn Bhd ialah mengeluarkan dokumen tanpa menulis No. invois jumlah yang harus dibayar dan penerima.

(ii) Dokumen yang perlu dikeluarkan oleh Max Profit sdn. bhd untuk membetulkan kesilapan ialah nota serahan

(iii)	kuantiti (unit)	Harga (RM)	Jumlah (RM)
	25	25.00	625.00
	30	30.00	900.00

$$\text{RM } 625.00 + \text{RM } 900.00 = \text{RM } 1525.00$$

Jumlah yang perlu dibayar oleh Kedai Maju Solat  
~~jika pembayar~~ ialah RM 1525.00.

(iv) Tiga sebab Dokumen x dikeluarkan ialah untuk membetulkan kesalahan pada invois, selepas itu, mengubah jumlah pembayaran yang salah. Selain itu, menukar penerima. Di samping itu juga <sup>kesalahan nama</sup> ~~menentukan~~ <sup>mengelakkan</sup> ~~kuantiti~~ <sup>terjadi</sup> syarikat.


Calon sukar mengenal pasti dokumen dan tidak memberi fakta tentang dokumen. Calon juga hanya dapat mengira jumlah yang perlu dibayar sebelum diskaun tunai sahaja.

i)	Syarat Angkutan tidak dibayar habis
ii)	Dokumen secara cepat dan mudah untuk mengetahui kesakitan tersebut
iii)	1750.00
iv)	- tidak menepati Hak pembeli - bersikap negatif. - bersikap tidak adil.

Jawapan calon menunjukkan bahawa calon gagal mengenal pasti dokumen dan tidak dapat memberi fakta tentang dokumen berkenaan. Calon juga tidak dapat mengira dan hanya memberi angka sahaja berdasarkan angka dalam stimulus yang diberi.

Soalan 2(b)

(b) Gambar 2 berkaitan dengan sejenis perniagaan runcit kecil-kecilan.



Gambar 2

- (i) Kenal pasti jenis perniagaan runcit kecil-kecilan tersebut.
- (ii) Jelaskan **lima** ciri jenis perniagaan di 2(b)(i).

Soalan 2(b) memerlukan calon mengenal pasti jenis perniagaan runcit dan menyatakan ciri yang terdapat dalam stimulus yang diberi. Stimulus dapat membantu calon mendapatkan jawapan tetapi calon perlu menambah fakta berkaitan melalui apa yang telah dipelajari bagi membolehkan calon mendapatkan markah penuh.

(b) (i) Penjaja berkenderaan
(c) lima ciri jenis perniagaan di 2(b) i.
1. Mudah ditubuhkan
2. Boleh membawa barang ke merata tempat
3. Kos overhead yang rendah
4. Titik Jimat kos sewa kedai
5. Hubungan Bilaka Dijual di tepi jalan
6. Lokasi yang berhampiran dengan pelanggan
7. Menyediakan pelbagai barang
8. Memberi kemudahan kredit.

Calon boleh mengenal pasti jenis perniagaan dengan baik dan menyatakan ciri yang ada berdasarkan stimulus yang diberi dan fakta yang dipelajari.

2 b) i) perniagaan khas
ii) Perniagaan ini tidak mempunyai tempat perniagaan yang tetap. Selain itu, perniagaan ini dapat memberi barang atau perkhidmatan dengan kos yang rendah dan murah kepada pelanggan. Peniaga sentiasa menjalankan perniagaan di kawasan perumahan supaya memberi kesenangan kepada pelanggan. Perniagaan ini tidak memerlukan modal yang besar dalam pengurusananya.

Jawapan calon cenderung kepada stimulus yang diberikan tanpa memberikan fakta-fakta lain seperti yang telah dipelajari.

b	i) Perniagaan runcit secara mudah
	ii) Lima ciri jenis perniagaan tersebut. Ciri yang pertama ialah pelanggan dapat membeli secara pukal atau tunai sekaligus. Dengan ini, mudah untuk pelanggan memilih barang-barangan yang dikehendaki.
	Selusnya si peniaga akan mendapat untung kalau barang yang dibawanya baik dan segar. Pelanggan juga dapat memilih barang yang elok dimata untuk mendapat kepuasan. Peniaga juga hendaklah bijak menarik perhatian pelanggan untuk membeli barang tersebut.

Calon tidak dapat memberi respon yang tepat dan memberikan fakta yang tidak relevan dengan kehendak soalan.

Soalan 2(c)

(c) Terangkan **tiga** sebab perniagaan antarabangsa wujud.

Soalan 2(c) mengkehendaki calon memberi fakta berserta huraian atau contoh yang sesuai dalam menunjukkan sebab perniagaan antarabangsa wujud.

c) Tiga sebab perniagaan antarabangsa wujud ialah perbezaan tingkat teknologi. Setiap negara mempunyai tingkat teknologi yang berbeza-beza mengikut ke persekitaran masyarakat. Seterusnya ialah hubungan diplomatik yang terjalin juga dapat mewujudkan perniagaan antarabangsa. Seterusnya ialah perbezaan budaya dan masyarakat. Setiap negara mempunyai budaya yang berbeza. Sebagai contoh, Pak Malaysia dan Pakistan budayanya membuat permaidani. Seterusnya ialah perbezaan sumber alam semula jadi di sesebuah negara. Sebagai contoh negara kita kaya dengan petroleum.

Jawapan calon menjurus kepada kehendak soalan. Calon meluahkan pengetahuan yang dipelajari berserta huraian berkenaan sebab perniagaan antarabangsa wujud.

2-c)

Perniagaan Antarabangsa	
=	Memiliki hubungan diplomatik
=	Meluaskan lagi pasaran ke antarabangsa
=	Memperoleh keuntungan yang signifikan
=	Mata wang bulanan
=	Produk bertampan
=	Tempat yang strategik

Calon tidak menguasai sepenuhnya fakta berkenaan sebab perniagaan antarabangsa wujud. Calon hanya dapat memberi sebahagian sahaja jawapan.

(c)

- \* Perniagaan import, ~~ekspor~~, ~~entrapot~~.
- \* Boleh mengukir mata wang asing.
- \* Kerana ingin membawa barang dari luar ke luar negara
- \* Menjalarkan barangan yang dibuat oleh negara Malaysia.

Jawapan calon menunjukkan bahawa calon tidak menguasai fakta berkenaan sebab perniagaan antarabangsa wujud.

Soalan 2(d)

- (d) Syarikat Tiger Fertilizer menghasilkan baja nitrogen untuk pasaran antarabangsa. Pihak syarikat berusaha untuk menembusi pasaran baharu di Afrika Selatan dan berjaya menerima tempahan 100 000 tan baja daripada Springbok Private Limited. Namun begitu syarikat menghadapi kesukaran untuk menguruskan dokumentasi eksport ke Afrika Selatan. Springbok Private Limited mendesak untuk membatalkan tempahan sekiranya barang lambat diterima. Syarikat masih mempertimbangkan untuk meneruskan atau membatalkan urus niaga tersebut.

Nyatakan **empat** masalah lain yang mungkin dihadapi oleh Syarikat Tiger Fertilizer jika meneruskan urus niaga tersebut.

Soalan 2(d) mengkehendaki calon memberi respon tentang masalah yang lain selain daripada yang terdapat dalam stimulus. Calon boleh memberikan sama ada fakta, huraian atau contoh yang sesuai bagi membolehkan calon mendapat markah penuh.

d) Empat masalah lain ialah.
1. Perbezaan nilai mata wang
2. Perbezaan sistem ukuran, sukat dan timbang
3. Prosedur kastam yang rumit
4. Kesukaran untuk bercakap kerana menggunakan bahasa yang berlainan
5. Barang terdedah daripada kerosakan.

Calon berkeupayaan mengaitkan aktiviti sebenar dalam stimulus dengan dengan teori yang dipelajari. Calon dapat memahami bahan stimulus yang diberi dengan baik.

4. Empat masalah lain yang mungkin dihadapi oleh Syarikat Tiger Fertilizer jika meneruskan urus niaga tersebut.
Masalah dokumen yang rumit
Persaingan daripada negara luar
Masalah pertukaran wang
Masalah sukat dan timbangan.

Penjelasan calon menunjukkan calon tidak menguasai dan tidak memahami stimulus yang diberi. Justeru itu, sukar bagi calon memberi jawapan yang bernas.

2-d) Empat masalah lain yang mungkin dihadapi oleh syarikat tier Fertilizer ialah tiada kenderaan, tiada insurans, dan tiada latihan.

Jawapan calon yang tidak relevan menunjukkan tiada penguasaan tentang masalah perniagaan antarabangsa.

### SOALAN 3

Soalan 3(a)

- 3 (a) Maklumat di bawah berkaitan dengan kegiatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang boleh diceburi oleh Encik Asif.

Encik Asif berminat menjadi pengusaha IKS setelah mendapati banyak bantuan boleh diperolehi terutamanya dari segi latihan dan sokongan kewangan. Tambahan pula, beliau baru sahaja mewarisi sebidang tanah di Pulau Pangkor yang terkenal dengan aktiviti pelancongan dan perikanan.

- (i) Nyatakan bidang kegiatan IKS yang boleh dijalankan oleh Encik Asif di pulau tersebut.
- (ii) Beri empat alasan bagi menyokong bidang kegiatan IKS di 3(a)(i).

Soalan berdasarkan satu situasi kegiatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Calon diminta mengenal pasti bidang kegiatan IKS tersebut dan mengemukakan alasan.

3 a ) i - Kegiatan berasaskan sumber semulajadi

ii - Empat alasan bagi menyokong bidang kegiatan IKS di 3 (a) (i) ialah kerana di Pulau Pangkor terkenal dengan aktiviti pelancongan dan perikanan. Selain itu Encik Asif mendapat bantuan dari segi latihan tentang cara-cara untuk pemasaran yang betul. Encik Asif juga sangat berminat untuk menjadi pengusaha IKS. Akhir sekali, Encik Asif juga mendapat bantuan kewangan untuk memajukan bidang perniagaan.

Calon amat memahami tentang bidang-bidang kegiatan yang terdapat dalam industri kecil dan sederhana. Jawapan calon sesuai dengan apa yang dilakukan oleh Encik Asif di Pulau Pangkor iaitu kegiatan berasaskan sumber. Calon mampu mengemukakan empat alasan yang tepat sebagai bukti untuk menyokong bidang kegiatan berasaskan sumber yang telah dilakukan oleh Encik Asif.

3 a) i. Bidang kegiatan IIS yang boleh dijalankan oleh  
anak Asif di pulau tersebut ialah kegiatan  
pelancongan dan perikanan

ii. Empat alarannya ialah para pelancong akan  
ramai mengunjungi kepulauan. Seterusnya para  
pelancong akan membeli sedikit kraftangan  
dan cenderamata untuk dibawa pulang, menyolat-  
kan martabat kraftangan di mata dunia.  
Kraftangan atau cenderamata adalah sesuatu  
yang boleh diperlihatkan untuk rakan dan  
saudara-mara terdekat.

Sebahagian besar calon gagal menyatakan jenis bidang kegiatan industri kecil dan sederhana sebaliknya menjawab menggunakan pengetahuan sendiri yang tiada kaitan dengan bidang berkaitan. Mereka lebih cenderung menjawab berasaskan maklumat yang terdapat dalam kes seperti kegiatan pelancongan dan perikanan.

Calon juga gagal mengemukakan empat alasan untuk menyokong kegiatan berkenaan kerana mereka gagal memahami maksud bidang kegiatan industri kecil dan sederhana.

### Soalan 3 a

i) Bidang kegiatan MS yang boleh dijalankan oleh Encik Asif ialah menguruskan tanah pertanian yang diwarisinya. Encik Asif juga boleh menjalankan aktiviti pelancongan dan perikanan.

ii) Alasannya ialah kerana aktiviti pelancongan merupakan aktiviti utama di Pulau Pangkor. Selain itu kawasan tersebut amat strategik dan dapat menarik ramai pelancong untuk menginap di tempat penginapan. Tempat penginapan juga dapat menghasilkan untung yang banyak serta risiko kerugian adalah kurang kerana kegiatan tersebut secara kecil-kecilan dan tidak melibatkan urusan jual beli.

Terdapat segelintir calon yang langsung tidak mengetahui bidang kegiatan industri kecil dan sederhana. Alasan yang diberikan langsung tidak mengaitkan bidang kegiatan berasaskan sumber.

Soalan 3(b)

(b) Terangkan **tiga** kepentingan IKS kepada negara.

Calon dikehendaki mengemukakan kepentingan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kepada negara.

- b) Tiga kepentingannya ialah
- Mengurangkan pengangguran
  - iaitu masyarakat yang tiada kurang pendidikan boleh bekerja di IKS.
  - Dapat mengurangkan import negara
  - tidak perlu mengimport barang dari luar negara
  - Dapat memberi latihan kepada pekerja dan pengusaha
  - Pekerja/pengusaha yang kurang mahir boleh di latih di IKS
  - Meningkatkan tabung ekonomi negara
  - Kerana negara akan memperoleh banyak keuntungan daripada IKS

Jawapan calon menunjukkan dengan jelas kepentingan Industri Kecil dan Sederhana kepada negara dengan memberikan fakta dan huraian secara sistematik.

3 b. Tiga kepentingan IKK kepada negara ialah:-

- a) Pengangguran - mengurangkan pengangguran di dalam negara dengan mengadakan peluang pekerjaan.
- b) Pembangunan ekonomi - membantu membangun ekonomi negara dengan mendapat pelaburan.
- c) Taraf hidup rakyat - meningkatkan taraf hidup masyarakat dengan peluang pekerjaan.
- d) Mengukuhkan ekonomi - membantu mengukuhkan kedudukan ekonomi negara.

Segelintir calon hanya mampu memberikan dua fakta dan huraian sahaja dalam struktur jawapan yang bercampur aduk.

3 b. Kepentingan-kepentingan IKK kepada negara ialah mengurangkan sektor-sektor yang sebelumnya kecil-kecilan menjadi major. Bidang perikanan yang berjaya pada mulanya hanya menghabiskan sedikit sumber. Selain itu, ia juga menjolakan aktiviti eksport dan import seperti pelancong asing masuk ke negara kita. Akhir sekali, IKK dapat memberikan nama negara.

Calon ini langsung tidak mengaitkan kepentingan Industri Kecil dan Sederhana kepada negara. Oleh yang demikian jawapan menjadi kabur dan tidak jelas.

Soalan 3(c)

- (c) Gambar 3 menunjukkan perbualan berkaitan dengan faktor-faktor yang dipertimbangkan apabila memulakan perniagaan.



Gambar 3

Jelaskan **empat** faktor lain yang dimaksudkan oleh Mat.

Soalan mengkehendaki calon menjelaskan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan apabila memulakan perniagaan selain daripada faktor yang dinyatakan dalam situasi yang diberi.

- c) Empat faktor lain yang dimaksudkan oleh Mat ialah :
- Lokasi
    - tempat yang strategik untuk menjalankan perniagaan
  - Sumber bekalan
    - mudah didapati semasa dipertukan
  - Undang dan peraturan
    - Mesti mematuhi peraturan yang ditetapkan mengikut jenis perniagaan
  - Persaingan
    - Dapat mengatasi persaingan yang senget
  - Jenis perniagaan
    - Mengenalpasti perniagaan yang ingin dimulakan sama ada milikan tunggal atau perkongsian dan lain-lain
  - Minat > pengetahuan > pengalaman
    - Mempunyai pengalaman yang cukupi untuk menjalankan perniagaan

Jawapan di atas menunjukkan calon ini betul-betul mengetahui faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan apabila memulakan perniagaan. Calon juga memahami kehendak soalan dengan mengemukakan empat faktor lain.

3 e - Empat faktor lain yang dimaksudkan ialah :-

- Lokasi yang strategik
- Rancangan
- Regulasi perniagaan
- Campur perniagaan
- pasaran.

Terdapat calon yang hanya mampu memberikan dua fakta yang betul dan ditambah dengan dua fakta lain yang tiada kaitan dengan isu soalan. Ini menyebabkan mereka kehilangan markah.

e - Empat faktor lain ialah pasaran, pengalaman, kemahiran, risiko, keupayaan yang mungkin dikecualikan dan jenis perniagaan yang ingin diceburi.

Contoh jawapan calon ini tidak menepati kehendak soalan. Keterangan bersifat umum dan tidak relevan dengan soalan.

Soalan 3(d)

(d) Maklumat di bawah berkaitan dengan pelaburan yang dibuat oleh Afif.

<b>Jenis</b> <b>Butiran</b>	<b>Pangsapuri</b>	<b>Saham keutamaan</b>
Bilangan	1 unit	30 000 unit
Harga beli	RM70 000	RM2.50 sesaham
Harga semasa	RM90 000	RM2.80 sesaham
Pendapatan	RM500 sebulan	Dividen 9 % setahun

- (i) Hitung jumlah pendapatan semasa Afif.
- (ii) Afif bercadang membeli sebidang tanah yang bernilai RM200 000 dengan menjual satu pelaburan yang ada untuk menampung kos pembelian.  
Apakah pelaburan yang perlu dijual oleh Afif?  
Beri **empat** alasan.

Calon dikehendaki menghitung jumlah pendapatan semasa untuk dua jenis pelaburan. Calon juga diminta memberikan alasan, pelaburan yang mana perlu dijual untuk mendapatkan modal bagi membeli sebidang tanah.

$$\begin{aligned} \text{Sewa pangsapuri} &= \text{RM } 500 \times 12 \\ &= \text{RM } 6000 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Saham keutamaan} &= 30\,000 \times \text{RM } 2.50 \\ &= 75\,000 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Dividen saham} &= 75\,000 \times \frac{9}{100} \\ &= 6\,750 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah pendapatan semasa} &= \text{RM } 6000 + \text{RM } 6750 \\ &= \text{RM } 12\,750 \\ &\quad \# \end{aligned}$$

ii. Saham keutamaan, kerana saham mempunyai risiko yang tinggi. Selain itu, ~~harta~~ <sup>pangsapuri</sup> ~~lebih~~ mempunyai nilai yang lebih stabil berbanding dengan saham keutamaan. Malahan, pendapatan semasa ~~harta~~ <sup>pangsapuri</sup> lebih dijamin, tetapi saham keutamaan jika tidak dapat dividen akan ditanggung kepada tahun depan. Seterusnya, saham keutamaan mempunyai keuntungan modal yang lebih rendah berbanding dengan pangsapuri.

Pemahaman mengenai konsep pendapatan semasa dalam pelaburan membolehkan calon menjawab soalan pengiraan dengan betul. Langkah-langkah dibuat dengan jelas dan teratur. Calon juga mampu memberi alasan yang tepat bagi pilihan jenis pelaburan yang dipilih.

d) i. Jumlah pendapatan semasa Afif tanah =

$$\text{Pangsapuri} = \text{RM } 500 \times 12$$

$$= \text{RM } 6000$$

$$\text{Saham keutamaan} = \text{RM } 2.80 \times 30000 \text{ unit} \times 9\%$$

$$= \text{RM } 7560$$

Jumlah pendapatan semasa =

$$\text{RM } 6000 + \text{RM } 7560 = \text{RM } 13560$$

ii. Pelaburan yang perlu dijual oleh Afif tanah pangsapuri.

Empat alasan tanah :

- pendapatan semasa pangsapuri kurang daripada saham keutamaan.
- keuntungan modal pangsapuri lebih daripada saham keutamaan.
- cukup untuk membeli tanah.
- keuntungan yang tidak banyak.

Calon ini gagal mengira pendapatan semasa untuk saham keutamaan. Terdapat calon yang gagal memberi empat alasan bagi pilihan jenis pelaburan pilihan.

$$3 \text{ di} - 2.8 \times 9000 = 252000$$


---


$$\frac{9}{100} \times 500 = 45$$


---


$$252000 + 45 + 500 = 252545$$

ii - Saham Semasa  $2.80 \times 9000 = 252000$ , kerana ia lebih besar daripada harga yang hendak dibeli oleh Alif iaitu RM 200000. Selain itu Alif masih mempunyai pelanggan sebanyak RM 1200, Alif tidak perlu mencari modal yang banyak untuk membeli saham yang baru. Alif masih mempunyai harga yang bernilai iaitu  $2.5 \times 70000 = 175000$ .

Terdapat sebahagian calon yang langsung tidak tahu cara mengira serta gagal memberi alasan mengenai pilihan jenis pelaburan.

## SOALAN 4

### Soalan

4(a)

- 4 (a) Perbualan di bawah berkaitan dengan satu kemudahan pembayaran.

Izwani	:	Bilakah awak hendak jelaskan hutang saya sebanyak RM3 000?
Azam	:	Saya tidak membawa tunai. Bolehkah saya bayar menggunakan cek sekarang juga?
Izwani	:	Maaflah. Saya tidak terima cek. Saya hanya terima tunai sahaja.

Jelaskan **lima** sebab Izwani tidak menerima kemudahan pembayaran tersebut.

Perbualan yang diberikan menggambarkan kekurangan cek sebagai alat pembayaran. Arahan soalan meminta calon menjelaskan kekurangan cek sebagai alat pembayaran.

- |     |   |  |
|-----|---|--|
| (a) | - | Malas untuk pergi ke bank dan tunai cek tersebut |
|     | - | Tertentu banyak prosedur yang akan dijalankan    |
|     | - | Masa yang diambil terlalu lama                   |
|     | - | Bimbang cek hanya laku di beberapa tempat sahaja |
|     | - | membazirkan masa dan kos pengangkutan            |
|     | - | Lambat memperolehi wang tersebut                 |
|     | - | Bimbang berlaku penipuan                         |

Sebahagian besar calon mempamerkan mutu jawapan yang baik. Calon berupaya untuk mengenal pasti kehendak soalan dan seterusnya menjelaskan fakta kekurangan kemudahan cek sebagai alat pembayaran dengan tepat.

- (a)(i) \* Izwani tidak mempunyai akaun bank.  
\* Izwani ingin menggunakan wang dengan segera.  
\* Izwani ingin menjimatkan kos kerana tidak perlu ke bank  
\* Izwani bimbang akan keselamatannya jika membawa keluar jumlah wang yang banyak dari bank  
\* Izwani tidak mahu mengeluarkan wang kerana dia perlu mengaji pengawal peribadi sekiranya ingin membawa wang yang banyak keluar dari bank utk keselamatannya.

Namun begitu, sebahagian kecil calon tidak memahami kehendak soalan dan memberikan jawapan yang umum dan tidak berkaitan dengan fakta kekurangan cek sebagai alat pembayaran. Jawapan calon berulang walaupun frasa dan ayat yang digunakan berlainan.

Soalan4(b)(i)

(b) Maklumat di bawah berkaitan dengan Encik John.

Encik John seorang ketua pegawai eksekutif yang berjaya. Beliau sering meninggalkan keluarga untuk menguruskan perniagaannya. Tugasnya yang memerlukan beliau berada di luar negara, menyebabkan beliau bimbang akan masa hadapan isteri dan anaknya yang masih kecil. Isterinya pula telah menguruskan pembelian tiga polisi insurans kebakaran untuk melindungi rumah Encik John daripada tiga syarikat insurans.

- (i) Terangkan **tiga** jenis polisi insurans yang sesuai dibeli oleh Encik John.
- (ii) Wajarkah tindakan isteri Encik John?  
Beri **dua** alasan.

Berdasarkan bahan ransangan yang diberikan, calon dikehendaki mengemukakan polisi insurans yang sesuai dibeli oleh Encik John untuk melindungi keluarganya.

(b)

i- Tiga jenis polisi insurans yang sesuai diberi oleh Encik John ialah:

1- Insurans endowment.

- Pewaris dan penama akan menerima pampasan sekiranya Encik John meninggal dunia walaupun sebelum tempoh matang.

2- Insurans pendidikan

- Pembiayaan pendidikan anak-anak Encik John akan terjamin sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini kepada Encik John.

3- Insurans kesihatan / perubatan

- Apabila berlaku sesuatu kepada isteri dan anak-anak Encik John seperti sakit, mereka tidak perlu mengeluarkan wang untuk membayar kos perubatan kerana ianya ditanggung oleh pihak insurans.

Calon dapat mengemukakan jawapan secara tersusun bermula dengan fakta dan diikuti dengan huraian. Calon dapat mengemukakan polisi insurans yang sesuai dengan keperluan keluarga Encik John berserta dengan huraianya.

(b)	Polisi insurans yang sesuai ialah
	* insurans pendidikan
	* insurans kemalangan peribadi
	* insurans perubatan

Sebahagian besar calon hanya mampu memberikan polisi insurans sahaja. Jawapan tidak diikuti dengan huraian kepada polisi insurans tersebut. Sebaliknya ada calon yang hanya dapat memberikan huraian kepada polisi insurans sahaja tetapi gagal mengemukakan polisi insurans yang sesuai.

(b)	* Insurans rampakan
	- sekiranya dirampak Encik John akan mendapat gantirugi di atas kerugian yang ditanggung.
	* Insurans penerbangan
	- Waris Encik John akan dapat gantirugi jika Encik John mati dalam kapal terbang sebab dia selalu berada di luar negara.

Sebahagian kecil calon mengemukakan polisi insurans yang tidak relevan dengan bahan rangsangan yang diberikan. Jawapan calon bersifat tekaan dan hafalan dari fakta buku teks.

Soalan 4(b)(ii)

Soalan memerlukan calon membuat keputusan terhadap tindakan isteri Encik John mengambil insurans kebakaran untuk melindungi rumah Encik John daripada tiga syarikat insurans.

(ii) Tindakan isteri Encik John tidak wajar kerana pembelian tiga polisi insurans kebakaran daripada tiga syarikat insurans tidak bermakna kerana orang mendapat dibayar ganti rugi dengan 2 kali ganda. Apabila rumahnya terbakar tiga syarikat insurans tersebut akan mencorom bahagian masing-masing dan ini hanya membezakan tempoh masa dan wang dengan melakukan tiga pembayaran dalam satu masa.

Sebahagian kecil calon dapat membuat keputusan dengan tepat dan disokong dengan alasannya. Namun begitu calon tidak dapat menyatakan prinsip insurans yang digunakan iaitu prinsip indemniti – caruman.

(b) (ii) Tindakan isteri Encik John wajar kerana:  
- Insurans tersebut akan melindungi rumah mereka sekiranya berlaku risiko  
- Pihak insurans akan membayar ganti rugi sekiranya berlaku kebakaran bagi menampung kerugian yang ditanggung.

Sebahagian besar calon hanya dapat membuat keputusan sama ada wajar atau tidak wajar. Alasan yang diberi tidak relevan untuk menyokong keputusan yang diberikan.

Soalan 4(c)

- (c) Perbualan di bawah adalah antara Puan Alia, pemilik syarikat dengan Encik Shah, pengurus operasi sebuah syarikat di Pasir Gudang, Johor berkaitan dengan jenis pengangkutan.

Encik Shah	: Puan Alia, kita sudah mula mendapat tempahan daripada pengedar di Kelantan.
Puan Alia	: Berapa banyakkah tempahan yang kita terima, Encik Shah?
Encik Shah	: Setakat ini 200 000 unit untuk jubin dan 100 000 unit untuk batu marmar. Saya jangkakan tempahan akan bertambah bulan hadapan.
Puan Alia	: Kalau begitu kita perlu uruskan penghantaran secepat mungkin.
Encik Shah	: Baiklah Puan Alia tetapi kita perlu bincangkan sama ada menggunakan lori atau kereta api.

Pada pendapat anda, apakah jenis pengangkutan yang sesuai digunakan oleh syarikat tersebut?

Beri empat alasan.

Berdasarkan perbualan yang diberi antara Encik Shah dan Puan Alia, calon dikehendaki mengemukakan pendapat jenis pengangkutan yang sesuai digunakan untuk membawa jubin dan batu marmar dari Pasir Gudang, Johor ke Kelantan.

(c) Pada pendapat saya, jenis pengangkutan yang sesuai digunakan oleh syarikat tersebut ialah kereta api. Ini kerana kereta api mempunyai ruang muatan yang luas, murah, lebih murah, lebih cepat kerana tidak diganggu dengan kesesakan jalan raya dan risiko barang rosak rendah selain itu, kereta api mempunyai gerabak khas.

Calon berjaya memberikan jawapan yang berkualiti berserta alasannya dan dapat memilih jenis pengangkutan dengan tepat bersesuaian dengan jenis barang muatan yang dibawa iaitu 200,000 unit jubin dan 100,000 unit batu marmar. Calon bijak memberikan alasan yang merupakan kelebihan jenis pengangkutan yang dipilih. Jawapan calon ringkas tetapi padat dan tepat.

(c) Jenis pengangkutan sesuai saya  
pilih menggunakan keretapi.

Sebahagian kecil calon yang hanya memberikan pendapat tanpa mengemukakan alasan. Ini disebabkan calon menulis semula sebahagian dialog yang diberi iaitu “menggunakan keretapi”.

Soalan 4(d)

(d) Terangkan **tiga** peranan komunikasi kepada peniaga.

Arahan soalan meminta calon menerangkan peranan komunikasi kepada peniaga.

(d) Tiga peranan komunikasi kepada peniaga ialah melicinkan urusan perniagaan. Peniaga dapat menghubungi peniaga yang lain sama ada dalam negara atau luar negara dengan perkhidmatan komunikasi seperti internet dan sebagainya. Sebarang tempahan maklumat tentang pembayaran juga boleh dilakukan.

kedua. mengelakkan pembaziran dan kerosakan sesuatu kejadian ataupun kemalangan dapat dihubungi dengan segera dan bantuan dapat diberi dengan segera

ketiga. kemudahan kegiatan promosi. Pelbagai perkhidmatan komunikasi seperti internet, teleks dan sebagainya dapat digunakan untuk menjalankan kegiatan promosi

keempat - memberi maklumat. Alatan komunikasi seperti telefon, internet dapat memberi maklumat kepada peniaga di tempat lain.

Calon dapat memberikan jawapan berdasarkan fakta dengan tepat. Jawapan yang diberi disusun dengan baik. Fakta peranan komunikasi diuraikan dengan jelas bagi menggambarkan kepentingannya kepada peniaga.

(d) Tiga peranan komunikasi kepada peniaga ialah

\* membolehkan peniaga berurusan dengan pelanggan

→ peniaga boleh bercakap dengan pelanggan secara lisan dan tidak perlu bersempua

\* memujuk dan mempengaruhi pelanggan

→ peniaga boleh memujuk pelanggan untuk membeli barang

\* menjimatkan masa dan kos

→ peniaga boleh menjimatkan masa dan kos daripada pergi berjumpa dengan pelanggan

\* menetapkan dan menarik minat pelanggan

→ peniaga boleh menarik minat dan minat pelanggan untuk mengunjungi kedainya.

Terdapat juga calon yang gagal untuk menulis peranan komunikasi dengan tepat. Jawapan calon bercampur aduk dengan peranan promosi.

## SOALAN 5

Soalan 5(a)

- 5 (a) Syarikat Mac-Q menghadapi masalah kewangan untuk memasarkan 20 buah kereta mewah import yang baru tiba di Pelabuhan Klang. Justeru itu, kereta tersebut perlu disimpan di dalam gudang sebelum dijual.

Nyatakan jenis gudang yang sesuai digunakan oleh Syarikat Mac-Q. Kemukakan **lima** alasan.

Arahan pada soalan ini meminta calon menyatakan jenis gudang yang sesuai digunakan oleh Syarikat Mac-Q.

5 (a) Gudang yang sesuai ialah gudang berbon.
* Boleh menanggung pembayaran cukai.
* Boleh mencagarkan barangan yang belum dijelaskan kepada bank.
* Boleh memindahkan beban cukai kepada pembeli
* Boleh melakukan kerja akhir di gudang barangan.
* memudahkan kegiatan entrepot dan di dapat dikecualikan dari cukai sehingga syarikat Mac-Q ingin menjalankan kegiatan entrepot.

Majoriti calon dapat menyatakan dengan jelas jenis gudang yang sesuai digunakan. Calon juga dapat mengemukakan alasan yang betul bagi pemilihan gudang tersebut.

5(a) Jenis gudang yang sesuai digunakan ialah gudang kerbon kerana gudang tersebut dapat menyimpan kereta tersebut di tempat yang selamat tanpa perlu membayar cukai dahulu. Selain itu, gudang tersebut dapat mengelakkan sebarang risiko kerana telah diinsuranskan. Gudang tersebut juga dapat menyimpan kereta import tersebut sementara menunggu Syarikat Mac-Q menstabilkan kedudukan kewangannya kembali. Gudang kerbon juga selamat daripada risiko kebakaran kerana gudang tersebut dibina dengan rapi. Di samping itu, gudang tersebut juga besar dan sesuai untuk menyimpan 20 buah kereta mewah import disitu.

Walau bagaimanapun terdapat segelintir calon yang tidak mengemukakan jenis gudang yang tepat. Alasan yang dikemukakan juga tidak menepati keperluan dalam situasi yang diberi. Jawapan calon bersifat umum tanpa mengaitkan keperluan gudang dalam situasi yang diberi.

Soalan 5(b)

- (b) Perbualan di bawah berkaitan dengan program promosi di sebuah syarikat pengeluar barangan pengguna.

Pengurus Kewangan : Saya rasa, untuk menjimatkan perbelanjaan syarikat, kita hentikan saja program promosi kerana produk kita sudah lama terkenal di pasaran. Belanja promosi mahal. Jadi kita boleh berjimat sedikit.

Pengurus Pemasaran : Oh... tidak boleh! Kita mesti teruskan program promosi tersebut.

Adakah anda bersetuju dengan pendapat Pengurus Pemasaran?

Beri empat alasan.

Arahan dalam soalan meminta calon menentukan kewajaran pandangan Pengurus Pemasaran dalam situasi yang diberi.

b) Saya bersetuju dengan pendapat pengurus pemasaran

- \* Promosi dapat menanganai pesaing
- \* memberikan maklumat kepada pelanggan tentang produk mereka yang masih ada di pasaran.
- \* Meningkatkan imej produk dan perusaha.
- \* Menyakat dan pelanggan agar terus setia dan yakin dengan produk syarikat.
- \* meningkatkan keuntungan syarikat.

Kebanyakan calon dapat menyatakan pendirian masing-masing sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dengan pandangan tersebut. Alasan yang diberi juga menepati peranan promosi dalam perniagaan.

5(b) Saya bersetuju dengan pendapat pengurus pemasaran kerana produk yang sudah terkenal juga akan dilupai oleh pelanggan sekiranya promosi seperti iklan tidak dilakukan. Selain itu, jika program promosi dihentikan, pelanggan akan mudah tertarik kepada jenama lain yang mengeluarkan produk yang sama. Pengguna benar jenama syarikat tersebut tidak akan mendapat tahu tentang kelebihan barangan syarikat tersebut. Di samping itu, pelanggan juga tidak akan tahu tentang sebarang potongan harga atau diskaun yang diadakan oleh syarikat tersebut tanpa iklan dan promosi.

Namun begitu, terdapat juga calon yang menyatakan pendirian tetapi tidak mengemukakan alasan yang lengkap bagi pendirian tersebut.

Soalan 5(c)

- (c) Terangkan **tiga** agensi kerajaan yang bertanggungjawab menyediakan infrastruktur dan kemudahan tempat berniaga kepada peniaga.

Calon dikehendaki menerangkan mana-mana tiga agensi kerajaan yang menyediakan infrastruktur dan kemudahan tempat berniaga. Jawapan calon hendaklah terdiri daripada fakta dan huraian bagi menjawab soalan ini.

Tiga agensi kerajaan yang menyediakan infrastruktur dan kemudahan tempat berniaga ialah UDA Holdings Berhad, Mara dan PKN. Kesemua agensi ini menyediakan tapak yang sesuai seperti premis, tanah, dan arked yang sesuai untuk perniagaan.

Kebanyakan calon dapat mengenal pasti sebahagian agensi yang berkaitan. Tidak ramai calon yang dapat mengemukakan nama dan huraian bagi ketiga-tiga agensi tersebut dengan lengkap.

c)	
* MARA: mara bertanggung selain memberi pembiayaan dan kemudahan kepada bumiputera mara juga bertanggungjawab menyediakan infrastruktur dan kemudahan tempat berniaga kepada peniaga.	
* Agensi kerajaan yang lain yang bertanggungjawab menyediakan kemudahan infrastruktur seperti kemudahan bekalan elektrik, air bekalan air dan sebagainya ialah PKN.	

Terdapat segelintir calon yang boleh menyatakan nama agensi berkaitan dengan betul. Tetapi tidak berupaya menjelaskan dengan betul fungsi agensi berkaitan. Calon sekadar mengaitkan agensi dengan pernyataan dalam soalan.

Soalan 5(d)

(d) Situasi di bawah berkaitan dengan tanggungjawab pengeluar terhadap pengguna.

Cik Maria terpaksa menanggung kos keseluruhan rawatan berjumlah RM6 000 apabila krim pencerah kulit muka yang digunakannya telah menyebabkan kulit mukanya gatal, mengelupas dan meninggalkan kesan parut. Beliau telah menuntut ganti rugi daripada pengeluar produk tersebut tetapi pihak pengeluar enggan bertanggungjawab atas kejadian tersebut. Cik Maria sedang mempertimbangkan sama ada mahu membawa kesnya ke Mahkamah Tuntutan Kecil atau Tribunal Tuntutan Pengguna.

- (i) Jelaskan **empat** tanggungjawab yang telah diabaikan oleh pengeluar produk tersebut.
- (ii) Di manakah Cik Maria perlu membawa kesnya?  
Kemukakan **tiga** alasan,

Soalan ini berkaitan tanggungjawab pengeluar terhadap pengguna dan calon diminta mengenal pasti tanggungjawab yang telah diabaikan oleh pengeluar tersebut. Seterusnya calon diminta menentukan cara yang sewajarnya dilakukan oleh Cik Maria untuk membuat tuntutan ganti rugi. Calon juga diminta memberi penjelasan dan alasan bagi jawapan yang dikemukakan.

(d) empat tanggungjawab yang diabaikan oleh pengeluar produk tersebut terhadap pengguna ialah.

- \* Hak pengguna untuk mendapat keterangan
- \* Hak untuk mendapat ganti rugi
- \* Hak untuk mendapat maklumat yang tepat
- \* Hak untuk berucara.

Pengeluar juga mengabaikan haknya untuk mengamalkan amalan perniagaan yang baik.

- \* Selain itu mengabaikan tanggungjawab untuk menerima aduan dan membuat perubahan.

Bagi Soalan 5(d)(i), kebanyakan calon dapat menentukan tanggungjawab yang diabaikan oleh pengeluar tersebut. Namun begitu tidak ramai calon mampu memberi penjelasan kesemua empat tanggungjawab tersebut dengan lengkap.

5(d)(ii) Cik Maria haru membawa kesnya ke Tribunal Tuntutan Pengguna kerana kes Cik Maria adalah besar dan berisiko untuk dialami oleh orang lain. Tribunal Tuntutan Pengguna juga akan memunggal pengeluar yang bertanggungjawab untuk menyasat kes tersebut. Selain itu, Tribunal Tuntutan Pengguna juga dapat membantu Cik Maria menyelesaikan masalah dengan cepat. Tribunal Tuntutan Pengguna juga adalah sesuai digunakan kerana Tribunal Tuntutan Pengguna bertanggungjawab menyelesaikan masalah berkenaan tuntutan pengguna supaya tidak akan terlanjir.

Situasi soalan 5(d)(ii) pula, calon dapat menentukan di mana sepatutnya kes Cik Maria dikemukakan. Namun begitu, tidak ramai calon mampu memberi alasan yang lengkap terhadap cadangan yang diberi.

5(d)(i) - Tanggungjawab keselamatan.  
 Pengeluar produk tersebut telah mengakibatkan tanggungjawab keselamatan terhadap pengguna produknya.  
 - Tanggungjawab memberi ganti rugi.  
 Pengeluar produk berkenaan tidak mahu memberi wang pampasan kepada Cik Maria yang menanggung kerugian sebanyak RM6 000 sebagai kos rawatan kulit muka.  
 - Tanggungjawab terhadap pengguna  
 Pengeluar produk tersebut tidak melakukan eksperimen terlebih dahulu terhadap kulit muka yang sesuai dan tidak sesuai menggunakan produk keluarannya.  
 - Tanggungjawab sebagai pengeluar.  
 Pengeluar tersebut seharusnya sedar bahawa setiap rangutan dan tuntutan daripada pelanggan haruslah didengari dan dipenuhi sekiranya tuntutan tersebut sesuai dilakukan.

Didapati sebahagian calon tidak menjawab dengan baik bagi Soalan 5(d)(i) dan Soalan 5(d)(ii). Jawapan bersifat umum, tanpa memberi keputusan dan juga alasan yang sewajarnya mengikut arahan soalan. Contohnya bagi Soalan 5(d)(i), calon dapat mengenal pasti satu atau dua tanggungjawab yang gagal dilaksanakan oleh pengeluar tersebut.

(ii) Cik Maria perlu membawa kesnya ke Tribunal Tuntutan Pengguna kerana:

- Kosnya adalah lebih murah.
- Tuntutan ke atas pengeluar tidak melebihi RM10,000
- Tidak mempunyai proses yang rumit seperti perantukan peguam, kos pengendalian dan sebagainya.
- Faedah yang unggul di mana, pihak yang terlibat akan mengadakan siasatan.
- Tidak mengambil tempoh yang lama dan panjang.

Soalan 5(d)(ii) pula, calon tahu di mana kes tuntutan Cik. Maria itu patut dikemukakan. Walau bagaimanapun, mereka tidak menjelaskan alasan bagi cadangan yang telah disyorkan.

## SOALAN 6

### Bahagian B

*Soalan ini wajib dijawab.*

- 6 Encik Affiq, pemilik La C2 Enterprise telah menjalankan perniagaan makanan ringan semenjak tahun 2000. Beliau menggunakan lori untuk membeli makanan ringan daripada pengeluar secara pukal dan membayar dengan tunai. Beliau juga menggaji beberapa orang pekerja untuk melakukan aktiviti pecah pukal sebelum menjualnya kepada peruncit di sekitar Lembah Kelang. Persaingan sengit daripada peruncit besar-besaran menyebabkan keuntungan La C2 Enterprise semakin berkurangan walaupun beliau sudah mengiklankan perniagaannya melalui media cetak. Aliran tunai yang rendah dan kos operasi yang tinggi menyebabkan Encik Affiq menjual La C2 Enterprise.

Hasil daripada jualan La C2 Enterprise, Encik Affiq mengambil alih sebuah pasar raya Lameria Mart yang popular di Bandar Baru Bangi, Selangor. Perniagaan ini menjual pelbagai keperluan harian kepada penduduk. Namun begitu, pihak pengurusan yang sedang menambah baik keadaan di bahagian penyimpanan mendapati terdapat stok yang hampir tamat tempoh masih disimpan di situ. Oleh itu, Lameria Mart berhasrat untuk mengadakan jualan penghabisan stok. Strategi ini juga dilihat dapat mengekalkan kesetiaan pelanggan sedia ada.

Usaha yang giat di samping promosi yang meluas telah menyebabkan keuntungan perniagaan meningkat dan menyebabkan Lameria Mart menggaji lebih ramai pekerja dengan melantik pekerja sedia ada menjadi ketua di bahagian pentadbiran, bahagian operasi dan bahagian kewangan. Jumlah kutipan tunai yang meningkat sebanyak 50% semasa waktu malam dan hujung minggu mendedahkan Lameria Mart kepada kecurian. Sebelum ini, gaji pekerja dibayar secara tunai. Namun begitu, bilangan pekerja yang semakin ramai menyukarkan bahagian kewangan dalam menguruskan pembayaran gaji. Pengurus kewangan bercadang menukarkan cara pembayaran gaji dan menguruskan tunai dengan lebih efisien dan selamat. Encik Affiq bersetuju dengan cadangan itu di samping menyarankan agar cara pembayaran bil-bil dan hutang pembekal juga diberi perhatian sewajarnya agar tidak berlaku kelewatan seperti sebelum ini. Pengurus Kewangan segera mendapatkan pihak bank untuk berbincang berkenaan masalah tersebut.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut:

- (a) (i) Apakah jenis perniagaan dalam negeri yang dijalankan oleh La C2 Enterprise?  
(ii) Terangkan **tiga** fungsi La C2 Enterprise kepada pengeluar.

Soalan 6 (a) menguji kemahiran calon untuk mengenal pasti jenis perniagaan dalam negeri serta menerangkan beberapa fungsi perniagaan tersebut kepada pengeluar.

6a1) Jenis perniagaan dalam negeri yang dijalankan oleh La C2 Enterprise ialah Perniagaan borong.

ii) Tiga fungsi La C2 Enterprise kepada pengeluar:

(i) Beli secara pukal dan bayar tunai

- La C2 Enterprise telah membeli secara pukal dan bayar tunai kepada pengeluar. Meningkatkan jualan dan hasil pengeluar.

(ii) Menyediakan pengangkutan sendiri

- La C2 Enterprise telah menggunakan lori untuk membeli makanan ringan daripada pengeluar. Ini memudahkan pengeluar kerana tidak perlu menyediakan pengangkutan.

(iii) Aktiviti pecah pukal

La C2 Enterprise akan melakukan aktiviti pecah pukal. Pengeluar dapat jimatkan masa dan wang.

Calon dapat mengenal pasti jenis perniagaan yang dimaksudkan dengan tepat serta dapat pula menerangkan beberapa fungsi perniagaan tersebut kepada pengeluar dengan jelas.

a1) Jenis perniagaan dalam negeri yang dijalankan oleh La C2 Enterprise ialah pemborong.

ii) Tiga fungsi La C2 Enterprise kepada pengeluar ialah:

membeli secara pukal dan membayar dengan tunai untuk meningkatkan jualan

Namun begitu terdapat segelintir calon yang dapat mengenal pasti jenis perniagaan tersebut tetapi tidak dapat menjelaskan dengan lengkap fungsi perniagaan tersebut kepada pengeluar.

bai - industri kecil sederhana

ii - fungsi La C2 Enterprise kepada pengeluar ialah:

- Pemborong. La C2 Enterprise membeli makanan ringan secara pukal

- Pengusaha - mengusahakan makanan ringan yang diperolehi daripada pengeluar.

Terdapat juga calon yang menganggap jenis perniagaan tersebut sebagai Industri Kecil dan Sederhana.

Soalan 6(b)

(b) Beri tiga sebab lain yang menyebabkan Encik Affiq menjual La C2 Enterprise.

Soalan 6(b) mengkehendaki calon memberi respon tentang sebab Encik Affiq menjual La C2 Enterprise. Calon perlu menyatakan fakta, huraian atau contoh dan perlu merujuk kes yang diberi iaitu kelemahan perniagaan borong.

6b) Tiga sebab lain Encik Affiq menjual La C2 Enterprise kerana kedudukan premis yang tidak strategik jauh dan terpaksa menghantar sendiri barang kepada pembeli di Lembah Klang. Penggunaan promosi yang tidak berkesan kerana tidak mengetahui cara promosi yang baik. Risiko hutang lapuk yang sangat tinggi kerana beri jualan kredit. Selain itu, tidak mampu membayar segala beban kos penyelenggaraan dan servis menjualnya.

Kejituan jawapan calon tersebut adalah kerana fakta dan huraian yang dikupas sangat berkait dengan kes yang diberi. Mereka mengambil kira kelemahan perniagaan borong yang tidak lagi perlu ditanggung oleh Encik Affiq.

6(b) Tiga sebab lain yang menyebabkan Exik Affiq menjual La C2 Enterprise :-

1. Menanggung hutang lapuk daripada peruncit kerana penjualan secara kredit kepada peruncit
2. Menanggung kos overhead yg tinggi .

Terdapat juga calon yang sukar mengolah sebab yang munasabah dan tidak merujuk kepada kes. Mereka hanya memberi fakta yang dipelajari. Kebanyakan alasan yang diberi kurang relevan dengan kes.

- 6(b) - kekurangan modal untuk meneruskan perniagaan
- Kos operasi yang tinggi
  - Aliran tunai yang rendah .

Calon tidak mampu memahami kehendak soalan dan fakta yang diberikan serta jawapan yang diberi tidak relevan dan tidak tepat.

Soalan 6(c)

(c) Jelaskan lima kelebihan yang diperoleh Encik Affiq apabila beliau memilih cara memulakan perniagaan Lameria Mart.

Calon dikehendaki menyatakan fakta, huraian atau contoh berkenaan kelebihan memulakan perniagaan dengan cara mengambil alih. Jawapan yang diberi perlu merujuk kepada kelebihan pengambilalihan perniagaan.

6c)	- Pasaraya tersebut yang dikenali ramai
	- Pengurusan perniagaan yang cekap
	- Mempunyai pelanggan yang tetap
	- Jumlah kutipan tunai yang meningkat
	- hanya perlu menambah baik Lameria Mart
	- Stok sudah tersedia
	- kawasan yang strategik
	- kos operasi rendah

Jawapan calon menjurus kepada kelebihan memulakan perniagaan secara pengambilalihan. Jawapan mereka berkait dengan kes yang diberi dalam bentuk fakta, huraian dan contoh yang relevan.

6c)	- Tidak perlu membuat promosi kerana telah wujud lama
	- Menjimatkan kos promosi
	- Mengekalkan nama baik
	- Menjimatkan kos modal
	- Mengekalkan pelanggan yang sedia ada
	- Menjimatkan kos belian modal

Calon sukar mengenal pasti pengambilalihan sebagai cara memulakan perniagaan. Justeru hujah calon kurang tepat. Calon hanya memberi fakta yang dipelajari dan ada alasan yang diberi namun tidak relevan dengan kes.

6c)	- Keuntungan perniagaan meningkat
	- menukar cara pembayaran gaji dengan lebih efisien
	- menguruskan tunai dengan lebih selamat

Kesilapan dilakukan ialah tidak memahami kehendak soalan dalam memberi jawapan. Fakta yang diberikan juga tidak relevan.

Soalan 6(d)

(d) Wajarkah Lameria Mart mengadakan jualan tersebut?  
Beri tiga alasan.

Soalan 6 (d) menguji kemahiran calon untuk menilai kewajaran keputusan yang dibuat oleh pihak syarikat dengan memberikan alasan yang sesuai dengan ransangan.

(d) Ya, Lameria Mart wajar mengadakan jualan tersebut
- kadar pusing stok dalam keadaan baik
- mendapat keuntungan dari promosi yang dilakukan
- menarik lebih ramai pelanggan membeli belah di Lameria Mart
- Dapat mempromosi Lameria Mart sebagai pasaraya yang terkenal.

Calon dapat mengemukakan alasan-alasan yang tepat tentang kewajaran Lameria Mart mengadakan jualan penghabisan stok.

(d) Wajar, kerana keuntungan modal boleh ditingkatkan apabila jualan tersebut dijalankan. Modal pusingan dapat dikumpul untuk beli stok.
Dapat memperkenalkan barang yang dijual oleh Lameria Mart.
Dapat menyebarkan maklumat kepada orang ramai

Terdapat juga kelompok yang menyatakan pendirian wajar atau tidak wajar dengan jelas tetapi tidak dapat memberikan alasan yang lengkap untuk menyokong keputusan mereka.

(d) wajar
1. lebih menguntungkan
2. liabiliti rendah
3. risiko persaingan rendah.

Sebahagian calon dapat menyatakan pendapat dari aspek kewajaran Lameria Mart mengadakan jualan tersebut tetapi gagal mengemukakan sebarang alasan yang relevan.

Soalan 6(e)

- (e) Terangkan **tiga** jenis perkhidmatan bank yang boleh dicadangkan kepada Lameria Mart.

Soalan mengkehendaki calon mengenal pasti perkhidmatan bank yang diperlukan oleh Lameria Mart. Calon perlu melihat masalah yang dihadapi oleh Lameria Mart dahulu bagi membolehkan calon menjawab dengan memberikan fakta dan huraian atau contoh. Perkhidmatan bank yang berkaitan dengan masalah yang terdapat dalam kes sahaja yang diterima berserta alasan yang munasabah.

6 e	i- Arakan tetap
	- Peniaga boleh mengarahkan pihak bank membuat pembayaran setiap bulan untuk pembayaran bil elektrik, bil air, bil telefon dan ASTRO.
	ii. cek
	- Peniaga boleh membuat pembayaran kepada pembekal dengan cek tetapi peniaga perlu buka akaun semasa kalau mahu guna cek.
	iii. Pinjaman kredit
	- Encik Affiq boleh bayar gaji pekerjaanya secara terus dan pekerja tak perlu dapat duit tunai

Fakta dan huraian serta contoh telah diberikan oleh calon tersebut. Jawapan calon juga agak bernas dan berkait dengan kes yang diberi. Calon mengambil kira perkhidmatan yang sesuai dengan masalah yang dihadapi oleh Lameria Mart.

e) - Khidmat langsung yang menawarkan latihan perkhidmatan pengurusan kewangan syarikat.
- Menyediakan akaun simpanan, akaun simpanan tetap dan akaun semasa supaya penyimpanan tunai menjadi lebih selamat.
Arahan tetap
- Bantuan modal perniagaan untuk mengukuhkan lagi perniagaan beliau. Boleh bayar bil air

Calon tersebut sukar mengenal pasti masalah yang dihadapi dan hanya dapat memilih beberapa perkhidmatan. Huraian yang dibuat tidak merujuk kepada kes. Calon hanya memberi fakta yang dipelajari. Kebanyakan alasan yang diberi tidak relevan dengan kes.

- Bank Perdagangan
- Bank Koperasi
- Bank Pusat
- Memberikan pinjaman bank.

Kesukaran calon memahami kehendak soalan menyebabkan calon tidak dapat memberikan fakta yang tepat dan tidak relevan dengan kes.

## **SARANAN KEPADA CALON**

1. Calon perlu menguasai fakta-fakta penting setiap tajuk dalam perdagangan.
2. Calon perlu memahami struktur asas perdagangan dan konsep penting setiap tajuk.
3. Calon haruslah berkeupayaan mengaitkan aktiviti sebenar dalam kegiatan perdagangan dengan teori yang dipelajari.
4. Semasa menjawab, calon seharusnya memahami bahan rangsangan seperti petikan, grafik, dialog dan sebagainya yang dikemukakan serta mengenal pasti fakta dan huraian yang menepati kehendak soalan.
5. Calon perlu peka dengan peruntukan markah yang mempengaruhi bilangan fakta dan huraian yang harus ditulis dalam menjawab soalan.
6. Calon digalakkan menjawab soalan tahun-tahun sebelumnya supaya mahir menyediakan jawapan yang baik.
7. Calon juga perlu menguasai tajuk-tajuk yang berkaitan dengan pengiraan seperti diskaun niaga, diskaun tunai, sewa beli, dividen, pulangan pelaburan dan faedah simpanan.
8. Calon digalakkan mengulang kaji dan menguasai semua tajuk di tingkatan 4 dan tingkatan 5 kerana setiap soalan mengandungi ceraiian item berkaitan dengan tajuk yang berlainan.

## **SARANAN KEPADA GURU**

1. Proses pengajaran guru harus menggabungkan jalin pendekatan pengajaran seperti Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK), Kontekstual, Konstruktivisme, Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai dan sebagainya seperti yang dicadangkan oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK).
2. Proses pengajaran dan pembelajaran perlu digembleng secara menarik dan berkesan menggunakan pelbagai media sama ada bahan maujud (realia), multimedia atau lawatan.
3. Mempelbagaikan pendekatan semasa menjalankan aktiviti pengukuran atau penilaian sama ada secara formatif mahu pun sumatif.
4. Guru perlu membimbing calon supaya dapat menjawab soalan menggunakan fakta dan huraian yang relevan dengan situasi yang dikemukakan.
5. Guru perlu memperbanyakkan latihan yang berorientasikan bahan ransangan seperti gambar, carta, dialog dan sebagainya serta membimbing mereka untuk mengaitkan isi pembelajaran dengan kehendak soalan.
6. Guru juga perlu membimbing calon mentafsir petikan kajian kes serta menyelesaikan soalan yang berkaitan dengan situasi kes.
7. Guru perlu membimbing calon cara membahagikan masa dan cara mengulangkaji yang berkesan sebagai persediaan menghadapi peperiksaan.
8. Guru perlu memberi motivasi kepada calon lemah supaya meminati mata pelajaran perdagangan dan menghargai ilmu yang diajar sebagai bekalan hidup bagi membina kerjaya baru selepas tamat persekolahan.